



NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA IKMa/BIL.15/2023

(1)

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN DAN
MEMBEKALKAN MAKANAN BERMASAK ISLAM UNTUK TEMPOH 6
BULAN DI KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
(IKMa) 103, JALAN TEMPLER PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN**

NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/BIL.15/2023



**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
(KUSKOP)**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi menyertai sebut

NOMBOR SEBUTHARGA	PERKARA	KOD BIDANG	TARIKH BUKA/TUTUP	LAWATAN TAPAK
IKMa/BIL.15/ 2023	PEROLEHAN PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN DAN MEMBEKALKAN MAKANAN BERMASAK ISLAM UNTUK TEMPOH 6 BULAN DI KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) 103, JALAN TEMPLER PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN	BERDAFTAR DENGAN MOF: 040103	BUKA SEBUTHARGA: 24 OGOS 2023 (KHAMIS) TUTUP SEBUTHARGA: 6 SEPTEMBER 2023 (RABU)	TARIKH: 28 OGOS 2023 (ISNIN) MASA: 10.00 PAGI TEMPAT: LOBI B,IKMa

NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/BIL.15/2023

Borang sebutharga boleh dimuat turun melalui laman web www.ikma.edu.my mulai **24 OGOS 2023 (KHAMIS)** dengan mengemukakan.

DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN BERSAMA BORANG SEBUTHARGA.

1. Sijil Asal Pendaftaran Kod Bidang berkenaan 040103 dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) masih tempoh sah laku.
2. Salinan Sijil Pendaftaran/Lesen Akuan Pendaftaran Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih dalam tempoh sah.
3. Satu Salinan Profail Syarikat berserta pengalaman syarikat perolehan tersebut dan SSM.
4. Salinan Sijil Suntikan Typhoid (Wajib), Sijil BeSS (Kelebihan), Sijil Halal (Kelebihan).
5. Pembekal yang menyertai sebut harga ini hendaklah mengisi surat akuan pembida seperti **(Lampiran F)** dan perlu diserahkan bersama borang sebut harga.
6. Salinan penyata bank bagi 3 bulan yang terakhir yang **dicop sebagai pengesahan** oleh pihak bank sahaja.

**TARIKH TUTUP TAWARAN ADALAH PADA 6 SEPTEMBER 2023
(RABU) SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI**

Dokumen Sebut Harga yang lengkap perlu dimasukkan ke dalam PETI SEBUTHARGA, KAUNTER KEWANGAN BLOK A, TINGKAT 1, INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, 103 JALAN TEMPLER, 46700 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN. Sebarang pertanyaan dan temu janji sila hubungi PUAN NOR ZAIDAH BINTI di talian 03-79649126.

(2)

LAMPIRAN Q

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga IKMa/BIL.15/2023

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat):

.....

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh
Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)

No. Telefon:

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan
pembelian ini (diisi oleh syarikat):

BERDAFTAR MOF:040103

No. telefon: **03-79649000**

Tarikh: **24 OGOS 2023 (KHAMIS)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan berdasarkan.....

1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki (diisi oleh syarikat)

1.3 Arah pengiriman **DOKUMEN SERAHAN TANGAN**

1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **IKMa/BIL.15/2023**

1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12 tengah hari **6 hb 9/2023 (RABU)**

1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh:**24 OGOS 2023 (KHAMIS)**

Tandatangan:

SHAMSURI BIN SALLEH

Nama Pegawai: Pengarah Kewangan Dan Pembangunan

INSTIITUT KOPERASI MALAYSIA

103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7964 9176 Fax: 03-907 0434

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan					Untuk diisi oleh Penyebut Harga
IKMa/BIL. 15 2023	PEROLEHAN PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN DAN MEMBEKALKAN MAKANAN BERMASAK ISLAM UNTUK TEMPOH 6 BULAN DI KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) 103, JALAN TEMPLER PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN Tarikh penyerahan/ penyempurnaan ditawarkan (sila nyatakan tempoh) *Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.				JUMLAH

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah
(Sila nyatakan tempoh)

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tarikh:..... Tandatangan
Penyebut Harga:
Nama dan K/P:
Alamat Syarikat:

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10.TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11.INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

(3)

SURAT AKUAN PEMBIDA
-LAMPIRAN F-

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya falam bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat**memberikan,menjanjikan atau menawarkan suapa untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau feadah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan	:
Nama	:
No.KP	:
Tarikh	:
Cap Syarikat	:

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.
 Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

SURAT AKUAN PEMBIDA

PEROLEHAN PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN DAN MEMBEKALKAN MAKANAN BERMASAK ISLAM UNTUK TEMPOH 6 BULAN DI KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) 103, JALAN TEMPLER PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

SEBUT HARGA: IKMa/BIL.15/2023

Saya,.....(Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan.....mewakili.....(NamaSyarikat)nomborpendaftaran.....(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Institut Koperasi Malaysia (IKMa)** (Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa-

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i)dalam surat akuan ini;atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk memenuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712,syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

(4)

**SENARAI SEMAK DOKUMEN
SEBUTHARGA**

(WAJIB HANTAR DOKUMEN BERKAITAN)



SENARAI SEMAK
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

SILA TANDAKAN BAGI / DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN.

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUTHARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Dari Kementerian Kewangan (MOF) /Perbendaharaan Malaysia (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputra Dari Kementerian Kewangan/Perbendaharaan Malaysia (Perkhidmatan)		
3.	Sijil asal pendaftaran kod bidang berkenaan dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) i. 040103		
4.	Salinan SSM dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia		
5.	Salinan Pengalaman Syarikat Berkaitan Perolehan Tersebut		
6.	Salinan Profail Syarikat		
7.	Salinan Sijil Suntikan Typhoid (Wajib)		
8.	Salinan Sijil BeSS (Kelebihan)		
9.	Salinan Sijil Halal (Kelebihan)		

10.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi (3) Bulan terakhir yang telah dicop sebagai pengesahan oleh pihak bank sahaja		
11.	Lain-Lain Sekiranya Ada		

<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>
--	---

(5)

**ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT
AM PENYEBUT HARGA**



INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)

DOKUMEN SEBUT HARGA

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN DAN
MEMBEKALKAN MAKANAN BERMASAK ISLAM
UNTUK TEMPOH 6 BULAN DI KAMPUS UTAMA
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
103, JALAN TEMPLER PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN**

**DISEDIAKAN OLEH:
UNIT FASILITI DAN SAJIAN
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA,
103, JALAN TEMPLER,
46700 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN**

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

Perkhidmatan di dalam sebut harga ini ialah untuk **PEROLEHAN PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN DAN MEMBEKALKAN MAKANAN BERMASAK ISLAM UNTUK TEMPOH 6 BULAN DI KAMPUS UTAMA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) 103, JALAN TEMPLER PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.**

Tawaran terbuka kepada Pembekal yang berdaftar :

- i. **Mempunyai Sijil Bertaraf Bumiputera (wajib)**
 - ii. **Mempunyai Sijil Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) (wajib)**
 - iii. **Kod Bidang: 040103 – Makanan Bermasak (Islam) (wajib)**
 - iv. **Mempunyai Sijil suntikan typhoid (wajib)**
 - v. **Mempunyai Sijil BeSS (kelebihan)**
 - vi. **Mempunyai Sijil Halal (kelebihan)**
-
1. Sebut harga ini termasuk kerja-kerja penyediaan peralatan, tenaga kerja mahir dan mencukupi serta perkara-perkara yang berkaitan.
 2. IKMa **tidak terikat** untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga tanpa perlu memberi sebab penolakan. Keputusan IKMa adalah muktamad.
 3. Pembekal yang menyertai sebut harga ini hendaklah mengisi Surat Akuan Pembida (seperti di lampiran) dan perlu diserahkan bersama borang sebut harga.
 4. Pembekal adalah bertanggungjawab ke atas segala kerugian, kerosakan atau kecacatan yang disebabkan oleh kelalaian pihak Pembekal itu sendiri.
 5. Harga bagi semua perkara dan bidang kerja yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja termasuk caj SST (jika ada) dan sah laku dalam tempoh Sembilan Puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebut harga.
 6. Pembekal **WAJIB HADIR** lawatan tapak bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan melayakkan untuk penyertaan sebut harga.
 7. Sebut harga yang telah siap diisi/ disempurnakan hendaklah dihantar ke alamat yang diberikan pada atau sebelum tarikh yang telah dinyatakan.
 8. Pembekal yang berjaya dikehendaki **menghubungi pihak IKMa terlebih dahulu** sebelum menjalankan kerja-kerja tersebut.
 9. Pihak Pembekal hendaklah menyertakan bersama salinan **Sijil KKM, Penyata Bank 3 bulan terkini** dan **Profail Syarikat** yang lengkap.

Jumlah (Ringgit Malaysia) :

.....

.....

Nama Dan Cop Pembekal :

.....

.....

.....

Tarikh Lawatan Tapak :

Tarikh Tutup Sebut harga :

Masa :

Tempat : Kaunter Unit Kewangan, Blok A,
Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
103, Jalan Templer,
46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Sebut harga dikeluarkan oleh,

(DATU ZAHIRUDDIN BIN DATU TAMBUYONG)

Ketua Unit

Unit Fasilti Dan Sajian

Institut Koperasi Malaysia



SYARAT-SYARAT AM PENYEBUT HARGA

Pembekal-pembekal hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai Sebut Harga:

1. KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUT HARGA

- 1.1 Semua pembekal yang ingin menyertai Sebut harga Perolehan Perkhidmatan Menyediakan dan Membekalkan Makanan Bermasak Islam Untuk Tempoh 6 bulan di Kampus Utama Institut Koperasi Malaysia (IKMa) 103, Jalan Templer, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 040103 (Makanan Bermasak Islam) yang masih sah dan berkuatkuasa serta **MESTILAH** berstatus Bumiputera (aktif).
- 1.2 Pembekal hendaklah menghantar penyata akaun bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini berturut-turut seperti berikut –
 - (a) Salinan Penyata Akaun Bank atau *online banking statement* hendaklah **DIAKUI SAH** oleh pihak bank/ institusi kewangan berkaitan di setiap muka surat, lengkap dengan tandatangan, cop nama dan nombor kad pengenalan (*Identification number*) pegawai serta nama cawangan bank/ institusi kewangan yang mengeluarkan penyata tersebut; dan
 - (b) Pengesahan salinan penyata bank atau *online banking statement* hendaklah bercop dan bertandatangan. Dokumen yang tidak menepati kriteria di atas tidak diterima.
 - (c) Pembekal juga dikehendaki untuk menghantar muka Surat pertama penyata akaun bank yang mengandungi maklumat berkenaan pemegang akaun dan muka surat yang menunjukkan baki akhir akaun sahaja bagi setiap bulan.
- 1.3 Sekiranya pembekal mempunyai sumber kewangan lain dan/ atau kemudahan kewangan dari bank/ institusi kewangan, pembekal hendaklah menghantar sekali maklumat dan surat pengesahan daripada bank/ institusi yang berkaitan. Dokumen sokongan sumber kewangan lain dan/ atau kemudahan kewangan dari bank/ institusi kewangan hendaklah **DIAKUI SAH** oleh pihak bank/ institusi kewangan berkaitan, lengkap dengan tandatangan, cop nama dan nombor pengenalan (*Identification number*) pegawai serta nama cawangan bank/ institusi kewangan yang mengeluarkan dokumen tersebut dan dikemaskini dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh tutup Sebut Harga. Laporan sulit daripada bank/

Institusi kewangan (sekiranya ada) hendaklah dikemukakan mengikut format yang dikemukakan dan perlu dilengkapkan oleh pihak-pihak bank/institusi kewangan berkenaan.

- 1.4 Pembekal hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat serta menyemak kandungan dokumen tender dengan teliti sebelum membuat tawaran. Pembekal hendaklah mengemukakan semua dokumen dan maklumat kewangan yang ditetapkan dalam Senarai Semak.
- 1.5 Pembekal hendaklah mengemukakan semua salinan Penyata Akaun Bank atau *online banking statement* serta dokumen sokongan sumber kewangan lain dan/ atau kemudahan kewangan dari bank/ institusi kewangan seperti yang telah sertakan untuk semakan pihak Institut Koperasi Malaysia (IKMa) sekiranya diminta jika tawaran sebut harga ini diterima dan pembekal dilantik oleh IKMa;
- 1.6 Pihak IKMa akan mengadakan sesi taklimat dan lawatan tapak. **Pembekal Wajib Hadir sesi taklimat dan lawatan tapak tersebut bagi mendapat gambaran yang jelas dan melayakkan penyertaan Sebut Harga.**
- 1.7 Tawaran pembekal akan DITOLAK sekiranya pembekal TIDAK mematuhi mana-mana syarat daripada perkara 1.1 hingga 1.6.

2. HARGA TAWARAN

- 2.1 Harga Tawaran pembekal hendaklah di hantar masuk ke dalam peti sebut harga mengikut Borang Iklan Sebut harga. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk segala kos yang terlibat semasa atau selepas tawaran serta semua kos berkaitan dengan perkhidmatan membekal makanan bermasak termasuk bahan mentah, pentadbiran, pengangkutan, peralatan, cukai semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan dan kos luar jangka.
- 2.2 Harga yang ditawarkan dalam tawaran ini adalah tetap, harga bersih dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan tidak boleh dipinda selepas penawaran tender ini ditutup serta akan berkuat kuasa sepanjang tempoh sah laku tender. Harga yang ditawarkan oleh pembekal yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berkuat kuasa dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan **KECUALI** atas persetujuan bersama oleh kedua-dua pihak pembekal dan Kerajaan. Harga yang ditawarkan haruslah mengikut mekanisme penggenapan harga yang telah ditetapkan oleh **Bank Negara Malaysia** iaitu dalam dua (2) titik perpuluhan sahaja.

- 2.3 Kerajaan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah. Walau bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh pembekal bukanlah nilai kontrak muktamad yang akan ditetapkan oleh IKMa sekiranya berjaya di dalam penawaran sebut harga ini.
- 2.4 Harga yang ditawarkan juga hendaklah berdasarkan menu, penentuan dan sukatan bahan-bahan makanan seperti yang telah dilampirkan di dalam iklan.

3. SPESIFIKASI

- 3.1 Spesifikasi adalah seperti di Skop Kerja Dan Spesifikasi Perkhidmatan Menyediakan Dan Membekalkan Makanan Bermasak Islam Di IKMa Kampus Utama Petaling Jaya, Selangor yang disertakan.
- 3.2 Bahan makanan yang akan dibekalkan kepada setiap peserta kursus pada setiap sajian hendaklah berdasarkan kepada menu yang ditetapkan. Makanan hendaklah disediakan dengan menggunakan bahan-bahan bermutu dan mendapat persijilan HALAL serta tertakluk kepada AKTA MAKANAN 1983 dan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa.
- 3.3 Kuantiti/ sukatan makanan yang perlu dibekalkan bagi setiap peserta kursus pada setiap sajian hendaklah dikira sebelum dimasak tetapi telah siap diproses untuk dimasak kecuali bagi item-item seperti nasi, susu, roti, mentega, jem/ kaya, biskut, kuih, bubur, ais krim, roti canai, pizza dan susu kacang soya kotak.
- 3.4 Penyediaan makanan kepada peserta kursus hendaklah dibuat hidangan secara buffet/ hidang/ bungkus. Pembekal diminta untuk berbincang secara terus mengenai keperluan penyediaan ini dengan pihak Pengurus/ Pentadbir Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Pihak Pengurus/ Pentadbir IKMa berhak menetapkan kaedah/ cara hidangan tanpa melibatkan sebarang pertambahan kos.

4. ANGGARAN JUMLAH PENGHUNI YANG DITEMPATKAN DI IKMa

- 4.1 IKMa tidaklah menjamin atau terikat dengan apa-apa jua anggaran jumlah yang akan makan seperti yang dinyatakan dalam Kenyataan Tawaran, Jadual Harga Mengikut Sajian, Surat Setuju Terima (SST) dan Perjanjian Kontrak. Pembekal yang berjaya hendaklah membekalkan dengan kadar harga yang sama sekiranya didapati jumlah sebenar penghuni yang berada di IKMa adalah berbeza daripada jumlah yang dianggarkan.
- 4.2 Pembekal diingatkan agar jika berlaku sebarang pertambahan bilangan penghuni daripada bilangan asal, maka kelulusan tambahan kuantiti daripada IKMa hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Setiap permohonan pertambahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa oleh pihak IKMa.

5. PERLANGGARAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA/ KONTRAK

- 5.1 Pembekal yang menyertai sebut harga tidak boleh melanggar perkara-perkara seperti berikut: -
 - (a) melakukan pakatan harga;
 - (b) memalsukan maklumat/dokumen dengan tujuan menyertai sebut harga;
 - (c) memalsukan tandatangan dan cap pengesahan dalam setiap salinan dokumen yang dikemukakan; dan
 - (d) lain-lain kesalahan yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga serta peraturan-peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa.
- 5.2 Pembekal yang berjaya tidak boleh melanggar syarat kontrak seperti berikut: -
 - (a) perkhidmatan tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi;
 - (b) bilangan pekerja/ pengendali makanan yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi;
 - (c) memajakkan mana-mana bahagian daripada kontrak atau membuat apa-apa kontrak kecil (sub-contract);
 - (d) menyerah hak atau memindah milik perjanjian secara keseluruhan atau sebahagiannya kepada pihak ketiga tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada IKMa; dan
 - (f) lain-lain kesalahan yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga/ kontrak serta peraturan-peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa.

- 5.3 Pembekal yang melanggar syarat sebut harga/ kontrak seperti di Perenggan 5.1 dan 5.2, boleh dikenakan tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara yang berikut: –
- (a) Pembatalan Surat Setuju Terima;
 - (b) Surat amaran;
 - (c) Denda/ pemotongan;
 - (d) Penamatkan kontrak; dan/atau
 - (e) Pembekal disenarai hitamkan.

6. HAK IKMA APABILA PERKHIDMATAN YANG DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA/KONTRAK

- 6.1 Jika perkhidmatan yang dilaksanakan tidak mengikut atau jika berlaku pelanggaran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat dalam perjanjian, IKMa berhak mengambil tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara-perkara yang berikut –
- (a) menolak perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya; dan/ atau
 - (b) menolak perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dan meminta pembekal menggantikan perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh IKMa.
- 6.2 Jika perkhidmatan atau apa-apa bahagian daripadanya tidak digantikan dalam masa yang ditentukan, IKMa berhak mengambil tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara-perkara yang berikut: -
- (a) mengenakan denda dengan jumlah **dua puluh peratus (20%)** daripada harga sajian sehari dan bilangan penghuni berdasarkan Borang Pesanan di premis berkenaan. Bagi maksud ini, asas pengiraan denda adalah seperti berikut: -

$$\text{DENDA} = \text{HS} \times \text{BP} \times 20\%$$

Contoh: Harga Sajian Sehari adalah RM15, Bil. Penghuni adalah 50 orang
Kiraan Denda: $\text{RM15} \times 50 \times 20\% = \text{RM } 150.00$

HS :	Harga Sajian Sehari
BP :	Bilangan Penghuni pada waktu sajian berdasarkan Borang Pesanan di premis berkenaan

Denda dikenakan sebanyak sekali sehari tanpa mengira pelanggaran mana-mana terma dan syarat kontrak atau bilangan pelanggaran sehari.

- (b) menamatkan perjanjian dan melantik pihak lain untuk melaksanakan perkhidmatan.
- 6.3 IKMa berhak memotong apa-apa wang yang perlu dibayar kepada pembekal oleh IKMa, sama ada sebagai denda atau pampasan daripada mana-mana perjanjian yang ditandatangani dengan IKMa daripada apa-apa yang perlu dibayar oleh IKMa kepada pembekal di bawah perjanjian. Jika wang yang perlu dibayar kepada pembekal itu tidak mencukupi bagi menampung tuntutan IKMa, IKMa boleh menuntut baki tuntutan itu daripada pembekal dan pembekal hendaklah membuat pembayaran tersebut dalam tempoh yang ditentukan dalam notis tuntutan. IKMa juga berhak menuntut jumlah baki tersebut daripada pembekal melalui mana-mana perjanjian yang ditandatangani dengan IKMa, sekiranya pembekal gagal membuat bayaran setelah dituntut.

7. SURAT SETUJU TERIMA (SST)

- 7.1 IKMa berhak mempersetuju terima sebut harga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagian daripadanya. IKMa tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
- 7.2 Keputusan IKMa adalah muktamad. IKMa tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada pembekal-pembekal mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.
- 7.3 Pembekal yang berjaya dikehendaki menandatangani **satu Perjanjian Kontrak dengan IKMa** dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut.
- 7.4 SST hendaklah ditandatangani dan diserahkan kepada IKMa dalam **tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh pengakuan penerimaan SST oleh pembekal. Kegagalan menyerahkan kembali SST dalam tempoh tersebut atau tempoh yang dinyatakan oleh pihak IKMa akan menyebabkan tawaran sebut harga tersebut **TERBATAL DENGAN SENDIRINYA**.



8. KERACUNAN MAKANAN DAN / ATAU PENUTUPAN PREMIS ATAS ARAHAN PIHAK BERKUASA

Sekiranya didapati berlakunya kes keracunan makanan di premis dan/atau mendapat arahan penutupan premis daripada pihak berkuasa –

- 8.1 Pembekal boleh digantung perkhidmatan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari dari tarikh penutupan premis atau tertakluk kepada arahan Kementerian Kesihatan Malaysia dan/atau pihak berkuasa.
- 8.2 Sepanjang tempoh penggantungan perkhidmatan, pembekal hanya dibenarkan memasuki premis untuk kerja-kerja pembersihan premis sahaja. Pembekal hanya boleh beroperasi semula setelah mendapat kebenaran Kementerian Kesihatan Malaysia dan/atau pihak berkuasa atau setelah tamat tempoh penggantungan perkhidmatan, yang mana terkemudian; dan
- 8.3 Pembekal yang digantung perkhidmatan tidak dibenarkan menyediakan makanan sepanjang tempoh penggantungan perkhidmatan. Pembekal perlu mencari perkhidmatan syarikat lain bagi menyediakan makanan kepada penghuni sepanjang tempoh tersebut tanpa melibatkan apa-apa tambahan kos kepada IKMa.

9. PENAMATAN KONTRAK

9.1 Penamatan oleh IKMa

9.1.1 Sekiranya pembekal tanpa apa-apa sebab yang munasabah: –

- a) Menangguhan atau enggan melaksanakan perkhidmatan tersebut; atau
- b) Gagal memberikan perkhidmatan tersebut secara tekun dan berterusan seperti yang diperuntukkan di dalam perjanjian; atau
- c) Gagal memberikan perkhidmatan tersebut atau gagal menjalankan obligasi seperti yang diperuntukkan di dalam perjanjian; atau

- d) Melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat-syarat atau terma-terma perjanjian; atau
 - e) Mengemukakan dokumen atau maklumat palsu, tidak sah, tidak tulen kepada IKMa; atau
 - f) Dikenakan denda dua (2) bulan berturut-turut (merujuk kepada perkara 6.2 (a)); atau
 - g) Dikenakan denda tiga (3) bulan secara terkumpul dalam tempoh dua belas (12) bulan sepanjang perkhidmatan (merujuk kepada perkara 6.2 (a)),
- 9.1.2 IKMa berhak memberikan notis tujuan penamatan kepada pembekal dengan menyatakan butiran mengenai kegagalan atau kemungkiran itu dan menghendaki pembekal untuk meremedikan kegagalan atau kemungkiran itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis itu. Sekiranya pembekal gagal untuk meremedikan kegagalan atau kemungkiran itu dalam tempoh yang dinyatakan atau mana-mana tempoh lain yang ditetapkan oleh IKMa, IKMa berhak menamatkan perjanjian pada bila-bila masa selepas itu dengan memberikan notis penamatan.
- 9.1.3 IKMa juga berhak dengan serta-merta menamatkan perjanjian sekiranya -
- (a) Pembekal pada bila-bila masa menjadi bankrap atau satu perintah penerimaan atau pentadbiran dibuat terhadapnya; atau
 - (b) Seorang penerima atau pengurus bagi pihak seseorang pembiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada Mahkamah atau seseorang pembiutang melantik seorang penerima atau Pengurus, atau yang memberi hak kepada Mahkamah membuat suatu perintah penggulungan; atau
 - (c) Berlaku kejadian keracunan makanan disebabkan oleh sajian/makanan yang dibekalkan oleh pembekal berdasarkan siasatan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Dalam hal ini, pembekal hendaklah

memberikan kerjasama kepada pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan Malaysia yang menjalankan siasatan kejadian keracunan makanan itu termasuk membenarkan pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia memasuki dan memeriksa mana-mana premis pembekal (termasuk premis yang disewa oleh pembekal) dan mengambil sampel-sampel makanan, dokumen-dokumen serta apa-apa bahan dan peralatan lain yang berkaitan; IKMa berhak menamatkan perjanjian pada bila-bila masa selepas itu dengan memberikan notis penamatan perjanjian kepada pembekal.

9.1.4 Kesan Penamatan oleh IKMa

Sekiranya perjanjian ditamatkan menurut peruntukan di Perenggan 9.1.1 atau 9.1.2: -

- (a) Apa-apa obligasi dan liabiliti yang dikenakan kepada pembekal di bawah perjanjian hendaklah ditamatkan dengan serta-merta;
- (b) Pembekal hendaklah: -
 - (i) Menamatkan pelaksanaan segala perkhidmatan;
 - (ii) Dengan kos dan perbelanjaan pembekal sendiri, memindah dan mengeluarkan semua peralatan dan kelengkapan yang tidak diperlukan oleh IKMa dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis dikemukakan dan meremedi semua kerosakan yang disebabkan oleh pemindahan tersebut;
 - (iii) Tidak menuntut sebarang kos kerugian kepada IKMa akibat penamatan dan
 - (iv) Menanggung sebarang implikasi kos seperti bil perubatan dan kos pengangkutan yang ditanggung oleh IKMa disebabkan oleh keracunan makanan.
- (b) IKMa berhak: -
 - (i) Menuntut kepada pembekal apa-apa ganti rugi bagi kerugian yang ditanggung oleh IKMa sebagai akibat kepada penamatan perjanjian; dan

- (ii) Melantik pihak ketiga untuk meneruskan pelaksanaan perjanjian dan pembekal hendaklah membuat bayaran kepada IKMa berkaitan semua dan apa-apa kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh IKMa perkhidmatan tersebut selaku bayaran yang perlu dibuat kepada pembekal apabila pembekal menyempurnakan pelaksanaan perkhidmatan tersebut jika perjanjian tidak ditamatkan menurut Perenggan 9.
- 9.2 Walau apa pun, penamatan itu tidak boleh menyentuh atau menjelaskan hak mana-mana pihak yang telah terakru sebelum tarikh penamatan perjanjian dan obligasi di bawah perjanjian hendaklah berterusan walaupun selepas penamatan perjanjian berkenaan dengan apa-apa perbuatan, perkara, atau benda yang berlaku sebelum penamatan perjanjian. Sekiranya perjanjian ditamatkan, IKMa berhak mengemukakan maklumat pembekal kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan tatatertib.
- 9.3 Penamatan oleh Pembekal
- Pembekal berhak menamatkan perjanjian sekiranya IKMa atau memenuhi mana-mana obligasinya yang secara langsung menjelaskan obligasi pembekal di bawah perjanjian, maka pembekal boleh memberi notis tujuan penamatan secara bertulis dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh tamat kepada IKMa dan meminta IKMa untuk membetulkan kegagalan atau kemungkinan itu dalam tempoh yang ditetapkan di dalam notis itu atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan sebagaimana yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak. Jika IKMa yang berkaitan dalam apa-apa tempoh atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan, pembekal berhak untuk menamatkan perjanjian pada bila-bila masa dengan memberi notis penamatan secara bertulis dalam tempoh 30 hari.
- 9.4 Kesan Penamatan oleh Pembekal

Sekiranya penamatan perjanjian berlaku, pembekal hendaklah menerima akujanji daripada IKMa yang menyatakan bahawa IKMa telah menyelesaikan secara lengkap semua apa-apa tuntutan yang perlu dibayar oleh IKMa kepada pembekal berkaitan peruntukan perjanjian: –

- (a) IKMa hendaklah membuat bayaran kepada pembekal apa-apa bayaran yang terhutang dan kena dibayar kepada pembekal pada tarikh penamatan perjanjian dan yang belum dibayar dengan syarat bahawa IKMa hendaklah berhak untuk menolak apa-apa jumlah wang yang kena dibayar kepada IKMa daripada pembekal di bawah perjanjian; dan
 - (b) Pembekal hendaklah: –
 - (i) Menamatkan pelaksanaan segala perkhidmatan;
 - (ii) Tidak menuntut sebarang kos kerugian kepada IKMa akibat penamatan yang disebabkan oleh kegagalan daripada pihak pembekal sendiri; dan
 - (iii) Dengan kos dan perbelanjaan pembekal sendiri, memindah dan mengeluarkan semua peralatan dan kelengkapan pembekal, subkontraktor, atau ejen-ejennya dan meremedi semua kerosakan yang disebabkan oleh pemindahan tersebut.
